



**SEMBAH ALU-ALUAN**

**YANG BERHORMAT  
PEHIN UDANA KHATIB DATO PADUKA SERI SETIA  
USTAZ HAJI AWANG BADARUDDIN BIN PENGARAH  
DATO PADUKA AWANG HAJI OTHMAN,  
*MENTERI HAL EHWAL UGAMA.***

**DI MAJLIS SAMBUTAN NUZUL AL-QUR'AN PERINGKAT  
NEGARA TAHUN 1444 HIJRAH**

**HARI JUMAAT (MALAM SABTU),  
17 RAMADHAN 1444H BERSAMAAN 7 APRIL 2023M**

**BERTEMPAT DI DEWAN PLENARY  
PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA,  
BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**SEMBAH ALU-ALUAN**  
**MAJLIS SAMBUTAN NUZUL AL-QUR'AN**  
**PERINGKAT NEGARA 1444H/2023M**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَبِهِ نَسْتَعِينُ عَلَىٰ أَمْوَارِ الدُّنْيَا وَالدِّينِ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ  
أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ أَلْهٰهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Mengadap Kehadapan Majlis  
Kebawah Duli Yang Maha Mulia  
Paduka Seri Baginda Sultan  
Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah  
Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien  
Sa'adul Khairi Waddien,  
Sultan dan Yang Di-Pertuan,  
Negara Brunei Darussalam.

Ampun Beribu Ampun,

Dengan penuh hormat dan ta'zim hamba Kebawah Duli Tuan Patik serta Penasihat-Penasihat dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam Peringkat Negara, dan Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan, menyembah Junjung Kasih atas keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik ke Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an Peringkat Negara, yang bertemakan *Bersabar, Berikhtiar, Bertawakkal dan Berdo'a Dalam Menghadapi Ujian Dengan Petunjuk Al-Qur'an*.

Sesungguhnya keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik ke Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an pada malam 17hb Ramadhan yang berkat ini adalah mengesankan lagi maksud sambutannya sebagai sambutan peringkat negara.

Menyambut dan memperingati hari-hari kebesaran Islam dan menjadikannya hari-hari kelepasan awam adalah menjadi keunikan negara kita, Negara Brunei Darussalam yang berpemerintahan beraja.

Sesungguhnya Islam telah mencorakkan Brunei dan pemerintahan berajanya.

Seterusnya dalam corak keislamannya itu Brunei telah dirahmati oleh Allah dengan kekal utuh menempati wilayahnya sekarang.

Hal ini dapat dipadankan dengan firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam Surah Al-Hajj, ayat 41:

الَّذِينَ إِنْ مَكَنُوهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَإِذَا تَوَلَّوْا إِلَىٰ زَكْوَةٍ وَأَمْرُوا بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَاوْهُ عَنِ الْمُنْكَرِ وَلِلَّهِ عِصْمَةُ الْأُمُورِ ﴿٤١﴾

Yang mafhumnya ialah:

*"(Iaitu) mereka (umat Islam) yang jika Kami teguhkan kedudukan mereka di bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang dan membayar zakat serta mereka menyuruh (berbuat) yang ma'ruf dan melarang daripada (mengerjakan) yang mungkar. Dan kepada Allah jualah kesudahan segala urusan."*

Dalam kontek Brunei, kita telah ditakdirkan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menempati dan menguasai wilayah kita sekarang dengan bernegarakan Brunei yang berpemerintahan beraja.

Kita syukuri rahmat dan ni'mat Allah yang sedemikian itu dengan melaksanakan tujuan bernegara secara yang direhui oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Tegasnya kita telah berusaha menepati tujuan bernegara yang sedemikian itu secara berterusan. Kita lakukan dan laksanakannya menerusi rancangan dan program-program pembangunan negara dalam semua bidangnya yang menepati *maqashid syari'ah* yang bertujuan *menjaga ugama, menjaga nyawa, menjaga akal, menjaga harta* dan seterusnya *menjaga keturunan*.

Ampun Beribu Ampun,

Disembahkan bahawa penganjuran majlis sambutan yang akan diserikan dengan Kebawah Duli Tuan Patik berkenan akan mengurniakan titah ini adalah dikendalikan bersama dengan Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Qur'an MABIMS, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Di samping itu, majlis sambutan ini dimeriahkan juga dengan persembahan bacaan hafazan al-Qur'an oleh pemenang-pemenang dalam Musabaqah Menghafaz Al-Qur'an Peringkat Kebangsaan dan Peringkat Negara-Negara Anggota MABIMS.

Semoga berserinya majlis dengan kemeriahannya sedemikian akan menjadi ristaan baik yang menambahkan lagi keberkatan kepada Brunei dan segenap isinya.

Seterusnya disembahkan Abis hamba Kebawah Duli Tuan Patik sekalian mendoakan semoga Kebawah Duli Tuan Patik dan seluruh Kerabat Diraja Kebawah Duli Tuan Patik akan sentiasa sihat dan selamat serta bahagia dalam perlindungan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dari apa jua kemudharatan dunia.

Demikianlah disembahkan.

Sebelum mengakhiri sembah ini hamba Kebawah Duli Tuan Patik menjunjung perkenan Kebawah Duli Tuan Patik untuk menyembahkan sembah junjung kasih atas keberangkatan:

Paduka-Paduka Anakanda Kebawah Duli Tuan Patik:

- Duli Yang Teramat Mulia  
Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota  
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah  
Menteri Kanan Di Jabatan Perdana Menteri.
- Duli Yang Teramat Mulia,  
Paduka Seri Pengiran Muda Abdul Malik,
- Duli Yang Teramat Mulia,  
Paduka Seri Pengiran Muda Abdul Mateen,

- Duli Yang Teramat Mulia,  
Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel,

dan keberangkatan:

Paduka-Paduka Adinda Kebawah Duli Tuan Patik:

- Duli Yang Teramat Mulia,  
Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir  
Sahibul Himmah Wal-Waqar  
Pengiran Muda Mohamed Bolkiah,
- Duli Yang Teramat Mulia,  
Paduka Seri Pengiran Bendahara  
Seri Maharaja Permaisuara  
Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah,
- Duli Yang Teramat Mulia,  
Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal  
Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah,

Demikian juga sembah junjung kasih atas keberangkatan:

- Yang Amat Mulia  
Pengiran-Pengiran Cheteria;

Dan ucapan terima kasih atas kehadiran;

- Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam,
- Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara,
- Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet,
- Yang Berhormat Ahli Majlis-Majlis Mesyuarat Diraja dan Majlis Mesyuarat Negara,
- Yang Mulia Timbalan-Timbalan Menteri,
- Excellencies Tuan-Puan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi dan Duta Besar serta Perwakilan Diplomatik Negara-Negara Sahabat,
- Dan sekalian hadirin dan hadirat yang berbahagia,
- Dan semua pihak dan peringkat yang menjayakan majlis dan acaranya, dan kepada sekalian penyumbang-penyumbang.

Semoga sekaliannya dalam rahmat kasih sayang Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Sekian,

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَا  
وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

Hamba Kebawah Duli Tuan Patik Menjunjung Anugeraha.

- Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman,  
*Menteri Hal Ehwal Ugama.*

Daraina - 8, Sg. Besar, Spg 530 Km 13 Jln Kota Batu, BD 2531  
16 Ramadhan 1444H/6 April 2023M.